

UNDANG-UNDANG PRODUK HALAL DI MALAYSIA: ISU PENGUATKUASAAN DAN PENDAKWAAN

Zulkifli Hasan
Fakulti Syariah dan Undang-undang
Universiti Sains Islam Malaysia
Tel: 606-7988407 Faks: 606-7988530

ABSTRAK

Sememangnya tidak dapat dinafikan bahawa sektor produk halal di dunia menjanjikan satu pasaran yang amat besar dengan jumlah umat Islam kini yang mencecah lebih 1.5 bilion. Melihat kepada senario dunia hari ini, produk halal kini mendapat permintaan yang amat tinggi berikutan peningkatan jumlah penduduk yang semakin bertambah sehingga mencecah dua bilion orang dengan 57 buah negara di dunia adalah majoritinya Islam. Dianggarkan sehingga 2010 jumlah penduduk Islam meningkat kepada tiga bilion orang sementara menjelang 2025 bilangannya meningkat kepada 30 peratus keseluruhan jumlah penduduk dunia. Malaysia telah mengambil pelbagai inisiatif untuk mempromosikan produk halalnya dan dalam masa yang sama telah memperkenalkan beberapa polisi atau skim khas seperti standard Halal MS1500:2004 iaitu garis panduan bagi industri makanan dan juga langkah memperkemas ruang lingkup undang-undang sama ada dari aspek pelaksanaan dan penguatkuasaan. Namun begitu, tidak dapat dinafikan sememangnya masih ada kekangan dan permasalahan dari sudut undang-undang sedia ada seperti yang dilaporkan di dalam media massa mahupun yang terkandung di dalam karya penulisan akademik. Artikel ini akan mengupas isu undang-undang berkaitan produk halal dan skop perbincangan akan menekankan dua aspek utama iaitu penguatkuasaan dan pendakwaan.

1.0 PENGENALAN

Sesungguhnya Islam amat menekankan aspek halal dan haram tentang apa jua perkara di dalam kehidupan sama ada dalam betuk perbuatan, pemakanan, percakapan dan sebagainya. Konsep halal ini telah dirakamkan oleh Allah *Subhanahu Wataala* di dalam surah *al-Baqarah* ayat 172-173 yang bermaksud: *Hai orang-orang yang beriman! Makanlah yang baik-baik daripada apa-apa yang telah Kami berikan kepadamu, serta bersyukurlah kepada Allah kalau betul-betul kamu berbakti kepada-Nya. Allah hanya mengharamkan kepadamu bangkai, darah, daging babi dan binatang yang disembelih bukan kerana Allah. Maka barang siapa dalam keadaan terpaksa dengan tidak sengaja dan tidak melewati batas, maka tidaklah berdosa baginya, kerana sesungguhnya Allah Maha Pengampun lagi Maha Penyayang.*” Firman ini menghuraikan falsafah dan prinsip

halal dalam Islam yang menyebut bahawa golongan orang yang beriman di sisi Allah ialah mereka yang memelihara aspek halal dan haram dalam dirinya. Bersesuaian dengan roh firman Allah di atas, dapatlah difahami bahawa perlunya ada usaha-usaha berterusan oleh umat Islam untuk memelihara dan memastikan aspek halal ini dapat dijaga dalam setiap perkara.

Melihat kepada senario dunia hari ini, produk halal kini mendapat permintaan yang amat tinggi berikutan peningkatan jumlah penduduk yang semakin bertambah sehingga mencecah dua bilion orang dengan 57 buah negara di dunia adalah majoritinya Islam. Dianggarkan sehingga 2010 jumlah penduduk Islam meningkat kepada tiga bilion orang sementara menjelang 2025 bilangannya meningkat kepada 30 peratus keseluruhan jumlah penduduk dunia¹. Fakta ini menunjukkan dengan jelas betapa keperluan kepada satu garis panduan dan undang-undang yang komprehensif serta berkesan bagi memastikan setiap produk halal yang dipasarkan menepati kehendak syarak selaras dengan maksud ayat *al-Quran* yang tersebut di atas.

Dalam konteks Malaysia, terdapat pelbagai usaha telah dilaksanakan berkaitan produk halal dan di antaranya ialah penganjuran Pameran Halal Antarabangsa Malaysia Keempat atau (MIHAS) 2007 iaitu pameran perdagangan terbesar di dunia bagi produk dan perkhidmatan halal. Sebanyak 97 syarikat antarabangsa dari 26 negara memenuhi 105 gerai pameran yang disediakan manakala 409 gerai lagi diisi oleh 327 syarikat tempatan². Selain daripada itu, pada tahun 2004 Malaysia telah mengeluarkan standard Halal MS1500:2004 yang dikatakan pertama seumpamanya di dunia iaitu garis panduan bagi industri makanan mengenai penyediaan dan pengendalian makanan halal atau peraturan asas produk makanan serta perdagangan atau perniagaan makanan³. Dari aspek undang-undang, terdapat peruntukan di bawah beberapa akta atau enakmen yang menyentuh mengenai aspek penguatkuasaan dan perlaksanaan. Artikel ini akan cuba mengupas isu berkaitan produk halal dan skop perbincangan hanya akan menekankan dua aspek utama

¹ Raja Luvena Sharifuddin. *Piawaiian pasaran halal*. 8 Mei 2007. Utusan Malaysia.

² *MIHAS Platform Terbaik Bumper ke Pasaran Global*. 14 Mei 2007. Utusan Malaysia.

³ Rozilan Salleh dan Hata Wahari. *Tingkatkan pasaran makanan halal – PM*. 17 Ogos 2004. Utusan Malaysia.

iaitu isu penguatkuasaan dan pendakwaan terhadap Garis Panduan Halal dan Ruang Lingkup undang-undang

2.0 Garis Panduan Produk Halal dan Ruang Lingkup Undang-undang

2.1 Garis Panduan Produk Halal

Secara umumnya, JAKIM merupakan badan yang telah menyediakan garis panduan produk halal secara komprehensif. Garis panduan ini merangkumi prosedur pemeriksaan, pengesahan dan permohonan sijil halal, kelulusan, syarat-syarat, pemantauan dan penguatkuasaan⁴.

(a) Prosedur Pemeriksaan Halal Produk dan Premis

Pemeriksaan akan dilakukan setelah permohonan memenuhi semua syarat yang ditetapkan dan bayaran caj perkhidmatan dilaksanakan. Bagi prosedur pemeriksaan awal ke atas kilang pengeluar produk dan premis makanan, pemeriksaan akan dilakukan oleh sekurang-kurangnya dua orang pegawai iaitu Pegawai Hal Ehwal Islam dan Pegawai Teknikal (Pegawai Teknologi Makanan) manakala pemeriksaan bagi rumah sembelih pula boleh dilakukan oleh sekurang-kurangnya seorang Pegawai Hal Ehwal Islam dan seorang Pegawai Teknikal.

Di antara skop pemeriksaan yang dibuat ialah dokumentasi, pemerosesan, pengendalian dan pengedaran produk, peralatan, perkakasan, mesin dan bahan bantuan pemerosesan, penyimpanan, peragaan dan penyajian produk, kebersihan, sanitasi dan keselamatan makanan, pembungkusan dan pelabelan dan keseluruhan premis. Pemeriksaan semula akan dilakukan jika terdapat perubahan-perubahan pada produk, seperti penambahan atau perubahan bahan-bahan ramuan, premis seperti perpindahan premis atau perubahan teknologi pemerosesan dan pengeluaran. Pemeriksaan semula ini dilakukan untuk memastikan tindakan pembetulan yang dikehendaki telah dipatuhi. Laporan pemeriksaan

⁴ Garis Panduan produk halal yang dinyatakan di dalam artikel ini adalah merujuk kepada Manual Prosedur Pensijilan Halal Malaysia. 2005. Jabatan Kemajuan Islam Malaysia .

di atas akan dikemukakan dalam Mesyuarat Panel Pengesahan Halal dan panel menolak atau meluluskan mana- mana permohonan.

(b) Prosedur Permohonan Sijil Pengesahan Halal

Sijil Pengesahan Halal bagi produk makanan dan minuman, barangan gunaan, premis makanan dan rumah sembelih yang dikeluarkan atau dikilangkan di Malaysia dikeluarkan oleh JAKIM atau Jabatan atau Majlis Agama Islam Negeri. Bagi produk yang dikilangkan di luar Malaysia, JAKIM tidak perlu lagi mengeluarkan sijil dan logo halal kerana pihak syarikat terbabit boleh menggunakan sijil dan logo halal yang dikeluarkan oleh Badan Islam di negara berkenaan yang diiktiraf oleh JAKIM seperti sijil halal yang dikeluarkan oleh negara Thailand.

Bagi mendapatkan kelulusan sijil pengesahan halal, ianya hanya akan dikeluarkan setelah permohonan yang berkenaan diluluskan oleh Panel Pengesahan Halal. Sebarang rayuan berkaitan dengan pensijilan halal hendaklah dibuat secara bertulis kepada Ketua Pengarah JAKIM atau Pengarah Jabatan atau Majlis Agama Islam Negeri..

Tempoh sahlaku bagi Sijil Pengesahan Halal ialah dua tahun dan terbatal bila-bila masa sahaja apabila didapati bercanggah dengan prosedur pensijilan halal Malaysia. Pemegang Sijil Pengesahan Halal hendaklah mengemukakan permohonan pembaharuan empat (4) bulan sebelum tamat tempoh dan mana-mana pihak yang gagal memperbaharuiinya tidak dibenar menggunakan logo halal bagi premis atau produk yang dikeluarkan.

Dari aspek Logo Halal, ianya mesti menepati spesifikasi yang ditetapkan, dicetak dengan terang pada setiap produk yang dikeluarkan dan dilabelkan. Bagi premis makanan, logo halal hendaklah dipamerkan di premis berkenaan dan bagi hotel ianya hendaklah dipamerkan di bahagian dapur atau di seksyen halal di restoran yang disahkan halal sahaja. Pihak syarikat walaubagaimanapun dibenarkan mencetak warna logo mengikut kesesuaian pembungkusan produk masing-masing selagi mana tidak mengubah spesifikasi logo asal yang dikeluarkan.

(c) Syarat-syarat penggunaan sijil pengesahan dan logo halal

Sijil Pengesahan dan Logo Halal ini tidak boleh diniaga, diberi pinjam, ditukarmilik, dipalsukan, disalahgunakan atau dipinda dengan apa caranya sekalipun. Sebarang perubahan ke atas nama dan alamat syarikat, premis, jenama produk, bahan ramuan, pengeluar-pengeluarnya dan yang berkaitan dengannya, hendaklah dimaklumkan kepada Ketua Pengarah, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia atau Pengarah Jabatan Agama Islam Negeri atau Setiausaha Majlis Agama Islam Negeri secara bertulis untuk tindakan selanjutnya.

Pemegang sijil adalah bertanggungjawab ke atas apa-apa penyalahgunaan atau penyelewengan sijil tersebut tertakluk kepada undang-undang. Sijil Pengesahan Halal boleh ditarik balik atau ditamatkan tempoh sahnya pada bila-bila masa serta penggunaan logo Halal tidak dibenarkan apabila didapati ianya menyalahi Prosedur Pensijilan Halal Malaysia yang telah ditetapkan atau terdapat perkara atau cara pengendalian yang meragui dari segi syarak. Pihak JAKIM atau Jabatan atau Majlis Agama Islam Negeri juga boleh menyenaraihitamkan syarikat yang gagal mematuhi syarat dan peraturan Prosedur Pensijilan Halal Malaysia dan boleh dipertimbangkan selepas Panel Pengesahan Halal berpuas hati.

(d) Pemantauan Dan Penguatkuasaan

Semua kilang, premis makanan, rumah sembelih yang telah mendapat Sijil Halal dari pihak berautoriti atau yang meletakkan label atau logo halal akan dibuat pemantauan. Pemeriksaan pemantauan adalah terikat dari segi undang-undang kepada Akta Perihal Dagangan 1972 yang membolehkan tindakan penguatkuasaan dan pendakwaan dilakukan apabila perlu dan berkaitan. Pegawai JAKIM dan Jabatan Agama Islam Negeri yang dilantik sebagai Penolong Pengawal Perihal Dagangan di bawah Seksyen 2, Akta Perihal Dagangan 1972 boleh melaksanakan di atas Perintah Perihal Dagangan (Penggunaan Perbahasan “Halal”) 1975.

Pelaksanaan pemantauan dilakukan dalam dua keadaan iaitu berkala dan aduan. Iaitu pemeriksaan yang dilakukan secara terancang dan berterusan dari semasa ke semasa dan

berdasarkan aduan awam. Pemeriksaan pemantauan berkala akan dibuat oleh sekurang-kurangnya dua orang Pegawai Hal Ehwal Islam yang diberi kuasa manakala Pemeriksaan pemantauan berdasarkan aduan dilakukan oleh seorang Pegawai dari Bahagian Penguatkuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Dan Hal Ehwal Pengguna (KPDN dan HEP) atau Jabatan Perkhidmatan Haiwan (JPH) atau Pihak Berkuasa Tempatan (PBT).

Sewaktu melakukan pemeriksaan pegawai pemeriksa hendaklah memperkenalkan diri dengan menunjukkan kad kuasa atau waran. Pihak syarikat atau premis yang gagal memberi kerjasama ketika pemeriksaan dijalankan boleh disenaraihitamkan atau sijil halal dibatal atau ditarik balik atau boleh didakwa dan pihak berkuasa boleh mengambil sampel meragukan untuk dianalisa.

Perkara yang di ambil perhatian sewaktu mengambil contoh bahan untuk ujian pengesahan antaranya ialah bahan yang disyaki kehalalannya, mengisi borang kebenaran dan ditandatangani oleh pihak premis, mendapatkan maklumat yang tepat, mengambil sekurang-kurangnya tiga sampel di tempat yang diadukan, lak sampel yang diambil dan satu sampel diberi kepada syarikat, sampel kedua kepada Jabatan Kimia dan sampel ketiga disimpan oleh JAKIM atau Jabatan atau Majlis Agama Islam Negeri.

Selepas selesai pemeriksaan pemantauan dibuat notis-notis hendaklah dikeluarkan meliputi Notis peringatan bagi kategori kesalahan kecil dan besar, Notis Penarikan Sijil Pengesahan Halal bagi kategori kesalahan amat besar dan Notis Penggantungan Sementara Sijil Pengesahan Halal apabila pihak premis dikenakan tindakan penggantungan sementara sijil Pengesahan Halal.

2.2 Ruang Lingkup Undang-Undang

Di Malaysia, KPDN dan HEP adalah kementerian yang bertanggungjawab di dalam hal ehwal produk makanan selain JAKIM yang terlibat secara langsung dengan pengeluaran sijil halal. Objektif KPDN dan HEP adalah untuk menggalakkan dan memudahkan perdagangan dalam negeri secara teratur dan sihat serta melindungi kepentingan

pengguna. Sehubungan dengan itu beberapa peruntukan undang-undang berkaitan halal telah dirangka dan dikuatkuasakan sebagai contoh, pada tahun 1982, satu peraturan atau dasar bahawa semua daging import yang hendak dibawa masuk ke Malaysia mestilah halal telah dibuat.

Pada tahun 2004 Malaysia telah mengeluarkan standard Halal MS1500:2004 iaitu garis panduan yang praktikal bagi industri makanan mengenai penyediaan dan pengendalian makanan halal atau peraturan asas produk makanan serta perdagangan atau perniagaan makanan. Garis panduan ini diguna bersama MS1480:1999 iaitu Keselamatan Makanan mengikut "*Hazard Analysis and Critical Control Point*" dan MS 1514: 2001 iaitu Prinsip Am Kebersihan Makanan.

Sebagai perbandingan, penulis merujuk kepada situasi di Indonesia dan Singapura. Secara umumnya, setakat pengetahuan penulis, di Indonesia tidak terdapat peruntukan khas mengenai undang-undang berkaitan produk halal. Namun begitu, terdapat badan khas yang mengawal selia atau bertanggungjawab dalam hal ehwal produk halal ini iaitu Majlis Ulama Indonesia. Oleh sebab itulah pada 8 Januari 1989, Majlis Ulama Indonesia telah menubuhkan Lembaga Pengkajian Pangan, Obat-obatan dan Kosmetika sebagai badan yang bertanggungjawab dalam hal ehwal produk halal di Indonesia. Lembaga ini dianggotai atau disokong oleh pakar-pakar dari bahagian Kimia, teknologi agro-industri, teknologi sains makanan, biokimia, farmasi dan kebanyakan mereka ini adalah dari Universiti Pertanian Bogor. Lembaga ini telah menyusun atur garis panduan halal yang merangkumi pensijilan halal, audit halal, syarat-syarat pensijilan dan sebagainya.

Berlainan pula situasi di Singapura di mana Majlis Ugama Islam Singapura (MUIS) merupakan badan yang bertanggungjawab mengenai aspek produk halal di Singapura. MUIS telah ditubuhkan pada 1968 di bawah Akta Pentadbiran Undang-undang Orang Islam 1968. MUIS merupakan badan tunggal mengeluarkan sijil halal dan pensijilan telah dimulakan sejak tahun 1978. Seksyen 88A (1) memperuntukkan Majlis boleh mengeluarkan sijil halal berkaitan apa-apa produk, perkhidmatan atau aktiviti dan membuat peraturan untuk pemegang sijil halal bagi memastikan syarat-syarat di dalam

undang-undang Islam dipenuhi semasa pengeluaran, proses, pemasaran atau pengiklanan produk, peruntukan perkhidmatan yang dijalankan dalam aktiviti tersebut.

Seksyen 88A (5) memperuntukkan bahawa mana-mana orang tanpa kebenaran Majlis (1) mengeluarkan sijil halal berkaitan apa-apa produk, perkhidmatan atau aktiviti atau (2) menggunakan sijil halal yang dispesifikasikan dengan tanda tertentu atau peniruan warna adalah didapati telah membuat kesalahan dan boleh dikenakan hukuman jika disabitkan dengan denda tidak melebihi \$10,000 atau penjara tidak melebihi 12 bulan atau kedua-duanya sekali. Di bawah undang-undang ini, MUIS telah mengeluarkan satu garis panduan yang dinamakan sebagai Skim Pensijilan Halal yang merangkumi produk, pembuatan makanan, penyimpanan, penyediaan, dan pengesahan produk halal. Pada asasnya, MUIS mempunyai satu garis panduan yang lengkap dan disokong oleh peruntukan undang-undang.

Bagi membicarakan aspek ruang lingkup undang-undang di Malaysia, boleh dirumuskan secara umumnya, peruntukan undang-undang berkaitan halal adalah terkandung di dalam Akta Makanan 1983, Akta Perihal Dagangan 1972, Akta Perlindungan Pengguna 1999, Kanun Kesiksaan, Akta Kesalahan Jenayah Syariah (Wilayah Persekutuan) 1997 dan enakmen kesalahan jenayah syariah negeri-negeri, Perintah Perihal Dagangan (Penandaan Makanan) 1975 dan Perintah Perihal Dagangan (Penggunaan Perbahasan Halal) 1975.

(1) Akta Perihal Dagangan 1972

Akta ini memberi perlindungan kepada pengguna dari segala bentuk amalan perdagangan yang tidak sihat. Ia merangkumi penandaan barangan, tanda harga dan perkara yang menghalang pengguna dari mendapat maklumat tentang keaslian dan kualiti sesuatu barangan. Terdapat juga peruntukan mengenai kesalahan dan hukuman serta bidang kuasa dari aspek penguatkuasaan.

Tugas penguatkuasaan di bawah akta ini adalah terletak di bawah Bahagian Penguatkuasa KPDN dan HEP, memandangkan logo halal merupakan salah satu daripada perihal

dagangan terhadap produk makanan, minuman, premis ataupun rumah sembelihan yang menggunakan logo halal. Akta ini memberikan peruntukan kuasa kepada Menteri KPDN dan HEP untuk mendapatkan maklumat yang perlu sebelum barang-barang dibekalkan atau ditawarkan untuk dibekalkan dalam perjalanan perdagangan atau perniagaan.

Seksyen 18 (1) memperuntukkan hukuman kesalahan individu yang jika sabit kesalahan kali pertama boleh didenda sehingga RM100000 atau dipenjarakan tidak melebihi 3 tahun atau kedua-duanya. Bagi kesalahan kedua dan seterusnya denda boleh dikenakan sehingga RM200000 atau penjara tidak melebihi 6 tahun atau kedua-duanya. Seksyen 18 (2) pula menetapkan penalti untuk syarikat atau pertubuhan perbadanan yang boleh dikenakan denda sehingga RM250000 kali pertama dan kesalahan kedua iaitu RM500000. Seksyen 29 (1) dan (2) mensabitkan kesalahan kepada sesiapa yang menghalang pegawai menjalankan tugasnya dan kesalahan bagi apa-apa maklumat atau memberikan pernyataan yang diketahui palsu yang membawa hukuman denda tidak melebihi RM2000 atau penjara tidak lebih satu tahun. Sebagai langkah tambahan, pada 1975, dua perintah di bawah Akta Perihal Dagangan 1972 telah diperkenalkan.

(a) Perintah Perihal Dagangan (Penggunaan Perbahasan Halal) 1975

Perintah ini memberi definisi yang betul dan pemakaian istilah seperti “ditanggung halal” atau “makanan untuk orang Islam” atau perkataan yang bermaksud halal itu adalah sesuatu yang memenuhi hukum syarak. Menurut manual pensijilan Halal Malaysia JAKIM, halal, ditanggung halal atau makanan Islam yang digunakan ke atas makanan dalam apa jua bentuk hendaklah bermaksud:-

- i) tidak mengandungi apa-apa bahagian daripada binatang yang dilarang oleh hukum syarak;
- ii) tidak mengandungi apa-apa benda yang ditakrifkan sebagai najis⁵ mengikut hukum syarak;
- iii) tidak disediakan dan diproses di kilang dengan menggunakan apa-apa alat yang tidak bebas dari najis mengikut hukum syarak; dan

⁵ Najis pada syarak dibahagikan kepada tiga bentuk iaitu benda itu sendiri adalah najis dan ianya tidak boleh disucikan seperti daging khinzir, darah dan bangkai, benda suci yang terkena najis dan tidak boleh disucikan dan juga benda suci yang terkena najis yang boleh disucikan.

- iv) tidak dalam masa menyediakan, memproses atau menyimpan itu bersentuhan atau berdekatan dengan apa-apa makanan yang tidak memenuhi perenggan i) ii) atau iii) atau apa-apa benda yang difikirkan sebagai najis mengikut hukum syarak.

(b) Perintah Perihal Dagangan (Penandaan Makanan) 1975

Perintah ini bertujuan untuk mengelakkan penyalahgunaan perkataan halal pada makanan melainkan makanan itu dilabel atau ditanda bagi membezakan makanan halal atau tidak halal. Perintah ini dibuat dibawah seksyen 11 Akta Perihal Dagangan 1972. Perintah 2 (1) menyatakan bahawa makanan yang telah diklasifikasikan di bawah Perintah Perihal Dagangan (Penggunaan Perbahasan Halal) 1975 adalah tidak boleh dikeluarkan melainkan dilabelkan atau ditandakan menggunakan apa-apa tanda yang menyatakan makanan tersebut adalah halal.

Perintah 2 (2) pula memperuntukkan semua daging dan perkakas dalam yang mentah termasuk daging yang perkakas dalam ayam atau itik tidak dibenarkan dilabelkan melainkan ianya ditanda dengan label, tag atau lain-lain tanda yang menunjukkan bahawa daging atau perkakas dalam itu telah atau tidak pernah didingin atau dibekukan. Ini bagi mengelakkan penipuan oleh pengeluar kepada pengguna muslim. Perintah ini memastikan makanan seumpama daging adalah benar-benar halal dan tidak ada penipuan kepada penggunaan perkataan halal.

(c) Akta Makanan 1983

Akta ini menyatakan secara tidak langsung peruntukan undang-undang berkaitan produk halal. Ini dapat dilihat melalui peruntukan bagi melindungi pengguna dengan cara memastikan bahawa setiap makanan dibekalkan tidak boleh mengandungi unsur-unsur yang membahayakan kesihatan sama ada dari segi penyediaan makanan, penjualan, penggunaan sesuatu bahan makanan. Seksyen 16 menyatakan hukuman bagi kesalahan menyediakan, membungkus, melabel, menjual mana-mana makanan yang salah, mengelirukan serta terdapat unsur-unsur penipuan dari segi aspek karakternya, nilai, kandungan, kualiti, keselamatan, keaslian, berat dan lain-lain. Hukuman yang

diperuntukkan jika sabit kesalahan ialah penjara tidak lebih tiga tahun dan denda atau kedua-duanya.

Selain daripada itu, Mahkamah boleh membatalkan lesen perniagaan pesalah di bawah seksyen 8. Mahkamah juga berhak mengeluarkan perintah untuk merampas atau melupuskan makanan terlibat sekiranya didapati makanan berada dalam pemilikan tertuduh. Peraturan Makanan 1985 Bahagian IV di bawah akta ini memperuntukkan perkara berkaitan pelabelan termasuk bahasa yang digunakan, butiran, bentuk, cara penandaan, tarikh, pernyataan ramuan, pembungkusan dan lain-lain.

(d) Akta Perlindungan Pengguna 1999

Akta ini memperuntukkan undang-undang secara umum mengenai produk halal di Malaysia. Ia menyatakan secara tidak langsung perkara halal melalui pelabelan. Seksyen 8 akta ini menyatakan apa-apa perbuatan yang boleh menyebabkan pengguna terkeliru dengan pernyataan salah yang dinyatakan oleh pengeluar atau penjual. Ini merangkumi penipuan terhadap label halal pada mana-mana produk. Jika sabit kesalahan seksyen 10 memperuntukkan hukuman denda tidak melebihi RM250000 untuk kesalahan pertama dan RM500000 bagi kesalahan kedua.

(e) Kanun Kesiksaan

Kanun kesiksaan juga merupakan undang-undang yang secara tidak langsung boleh dikaitkan dengan perkara produk halal. Ini boleh dilihat dibawah seksyen 415 di mana memperuntukkan sesiapa yang secara tidak jujur menarik orang ramai membeli dan membayar barangan dikeluarkan adalah dikira sebagai penipuan dan boleh dikenakan hukuman penjara tidak lebih lima tahun atau denda atau kedua-duanya sekali⁶. Mahkamah atas budi bicara boleh menentukan jumlah denda yang boleh dikenakan.

(f) Kuasa Perundangan Negeri

⁶ Hukuman bagi kesalahan menipu. Lihat Seksyen 417 Kanun Kesiksaan.

Oleh kerana terdapat 14 negeri yang masing-masing mempunyai undang-undang Islam, artikel ini hanya merujuk salah satu daripada undang-undang yang berkaitan iaitu Akta Kesalahan Jenayah Syariah (Wilayah Persekutuan) 1997. Seksyen 42 memperuntukkan bahawa mana-mana orang yang mempamerkan pada atau berkenaan dengan mana-mana makanan atau minuman yang tidak halal, apa-apa tanda yang menunjukkan bahawa makanan atau minuman itu adalah halal telah melakukan kesalahan dan jika disabitkan boleh didenda tidak melebihi RM5000 atau penjara tidak lebih tiga tahun atau kedua-duanya. Dalam kes seumpama ini pegawai penguatkuasa agama adalah pihak yang mempunyai bidangkuasa untuk menguatkuasakan undang-undang ini. Namun begitu, Mahkamah syariah hanya boleh mendengar kes yang melibatkan orang Islam sahaja⁷.

Menariknya di Sabah terdapat peruntukan tambahan kesalahan iaitu menyembelih tanpa kebenaran Majlis di bawah seksyen 59 (6) Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Negeri Sabah) 1995 yang menyatakan bahawa sesiapa yang menyembelih apa-apa binatang halal untuk tujuan jualan tanpa mendapat kebenaran atau perakuan bertulis dari Majlis adalah bersalah atas suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, dikenakan hukuman denda tidak melebihi satu ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya sekali. Setakat pengetahuan penulis, peruntukan seumpama ini tidak didapati di mana-mana enakmen jenayah syariah negeri-negeri yang lain.

3.0 Isu Penguatkuasaan dan Pendakwaan⁸

3.1 Isu Penguatkuasaan

Secara umumnya, pihak JAKIM akan melaksanakan pemantauan dan penguatkuasaan terhadap penggunaan sijil halal. Fungsi ini akan dijalankan oleh Bahagian Hub Halal Cawangan Pemantauan dan Penguatkuasaan JAKIM yang kini beroperasi di Cyberjaya. Hingga kini, terdapat seramai 32 pegawai di Bahagian ini yang akan melaksanakan

⁷ Ini berikutan undang-undang jenayah Islam yang boleh dikuatkuasakan oleh Mahkamah-mahkamah Syariah di negeri-negeri di Malaysia hanyalah merangkumi hukuman maksima 3 tahun penjara atau 6 sebatan atau RM5000 denda atau kombinasi mana-mana hukuman dan hanya boleh dikuatkuasakan kepada orang Islam sahaja. Lihat Akta Bidang kuasa Mahkamah Syariah (Jenayah) Pindaan 1984.

⁸ Penulis ingin mengucapkan terima kasih kepada Puan Noraine Hamzah dan Encik Muhammad Hawari Hassan Pegawai Bahagian Hub Halal Cawangan Pemantauan dan Penguatkuasaan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia di atas maklumat yang diberikan.

aktiviti pemantauan dan penguatkuasaan secara berkala sepanjang tahun. Berikut ialah statistik kes pemantauan oleh JAKIM pada tahun 2006.

Jadual Pemantauan dan Penguatkuasaan 2006

BULAN	BERKALA	ADUAN	JUMLAH
JANUARI	49	2	51
FEBRUARI	19	20	39
MAC	32	4	36
APRIL	31	11	42
MEI	40	15	55
JUN	53	23	76
JULAI	38	7	45
OGOS	31	3	34
SEPTEMBER	52	4	56
OKTOBER	48	1	49
NOVEMBER	122	19	141
DISEMBER	47	36	83
JUMLAH	562	145	707

Statistik di atas menunjukkan bahawa sepanjang tahun 2006 sebanyak 562 pemantauan dan penguatkuasaan telah dibuat secara berkala ditambah lagi dengan 145 kes setelah aduan dibuat oleh pihak awam yang menjadikan keseluruhan jumlahnya sebanyak 707. Bulan November mencatatkan kekerapan tertinggi di mana sebanyak 141 dan bulan Ogos adalah terendah iaitu sebanyak 34 kali pemantauan dan penguatkuasaan.

Selain daripada itu, perlu juga dilihat pemeriksaan yang dijalankan mengikut kategori. Amalan yang dilaksanakan di Bahagian Hub Halal Cawangan Pemantauan dan Penguatkuasaan ini ialah telah mengkategorikan pemeriksaan kepada tiga bahagian iaitu Produk Makanan (PM), Rumah Sembelih (RS) dan Premis Makanan (EO). Ini adalah bagi memudahkan prosedur pemeriksaan dan perlaksanaannya. Berikut ialah jadual pemeriksaan mengikut kategori yang telah dibuat sepanjang tahun 2006.

Pemeriksaan Mengikut Kategori

BULAN	PM	RS	EO	JUMLAH
JANUARI	36	7	8	51

FEBRUARI	21	9	9	39
MAC	33	0	3	36
APRIL	32	0	10	42
MEI	52	1	2	55
JUN	58	3	15	76
JULAI	44	0	1	45
OGOS	33	0	1	34
SEPTEMBER	43	1	12	56
OKTOBER	28	2	19	49
NOVEMBER	110	1	30	141
DISEMBER	42	0	41	83
JUMLAH	532	24	151	707

Kategori PM mewakili kekerapan tertinggi pemantauan dan penguatkuasaan iaitu sebanyak 532 kali melebihi 75 peratus diikuti oleh EO 151 kali iaitu 21.3 peratus dan RS hanya 24 kali bersamaan dengan 3.3 peratus. Malahan tiada aktiviti pemantauan dan penguatkuasaan dijalankan selama 5 bulan bagi kategori RS iaitu pada bulan Mac, April, Julai, Ogos dan Disember.

Secara tidak langsung, melalui kedua-dua jadual pemantauan dan penguatkuasaan di atas, jelas menunjukkan bahawa dengan kekuatan sedia ada, pihak JAKIM telah melaksanakan fungsi pemantauan dan penguatkuasaan dengan kekerapan yang agak tinggi 707 iaitu purata kekerapan hampir 60 kali bagi setiap bulan. Kebanyakan aktiviti ini juga majoritinya adalah hasil usaha inisiatif pihak JAKIM sendiri di mana hanya 20.7 peratus pemantauan dan penguatkuasaan dijalankan berdasarkan aduan. Namun demikian terdapat kekurangan pemantauan kepada rumah sembelihan. Pihak JAKIM mungkin telah mengambil perhatian dan merangka perancangan untuk meningkatkan pemantauan dan penguatkuasaan pada kategori ini.

Setelah melihat kepada kekerapan dan jadual pemeriksaan pemantauan dan penguatkuasaan di atas, kita juga harus meninjau hasil dapatan daripada aktiviti tersebut melalui Laporan Keakuran Syarikat dan juga Laporan Syarikat Dikenakan Tindakan.

Laporan Keakuran Syarikat 2006

BULAN	KOMITE D	PERINGATA N	TARI K SIJIL	GANTUN G SIJIL	LAIN - LAIN	JUMLA H
JANUARI	18	10	0	2	21	51
FEBRUARI	15	7	0	1	16	39
MAC	10	19	0	1	6	36
APRIL	11	18	0	0	13	42
MEI	28	11	0	1	15	55
JUN	25	27	0	1	23	76
JULAI	16	15	0	1	13	45
OGOS	18	6	0	3	7	34
SEPTEMBE R	28	6	0	5	17	56
OKTOBER	20	13	1	1	14	49
NOVEMBE R	56	55	0	1	29	141
DISEMBER	26	22	2	1	32	83
JUMLAH	271	209	3	18	206	707

Laporan Keakuran Syarikat di atas menunjukkan bahawa terdapat 271 syarikat yang dikategorikan sebagai komited, 209 syarikat diberikan peringatan, 3 syarikat ditarik balik sijil halal, 18 syarikat digantung sijil halal dan 206 dikategorikan sebagai lain-lain. Ini membuktikan bahawa daripada keseluruhan syarikat yang dilaksanakan pemantauan dan penguatkuasaan, hanya 2.9 peratus yang telah diambil tindakan tarik balik dan gantung sijil. Kebanyakan syarikat memenuhi syarat pensijilan halal yang dikeluarkan oleh JAKIM.

Di samping itu terdapat kerjasama dan penyelarasan dari segi penguatkuasaan di antara JAKIM, KPND dan HEP, PBT dan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM). Buktinya ialah pihak JAKIM juga ada menyimpan rekod Laporan Syarikat Dikenakan Tindakan seperti jadual di bawah:-

Laporan Syarikat Dikenakan Kompaun/Tindakan

BULAN	KPDN dan HEP	PBT	KKM/LAIN-LAIN	JUMLAH
JANUARI	0	0	0	0
FEBRUARI	1	0	0	1
MAC	1	0	0	1
APRIL	1	0	0	1
MEI	5	0	0	5
JUN	2	0	0	2
JULAI	0	0	0	0
OGOS	1	0	0	1
SEPTEMBER	1	1	0	2
OKTOBER	0	0	0	0
NOVEMBER	0	0	0	0
DISEMBER	4	0	0	4
JUMLAH	16	1	0	17

Jadual di atas merekodkan bahawa terdapat 16 syarikat dikenakan tindakan oleh KPDN dan HEP, hanya satu kes oleh PBT dan tiada kes oleh KKM. Kemungkinan kekurangan kes dikenakan tindakan adalah kurang atau tiada langsung kerana faktor skop penguatkuasaan yang berbeza.

Berdasarkan fakta dan statistik di atas, terdapat beberapa isu yang menjadi persoalan dan perlu mendapat perhatian. Di antara isu yang timbul di sini ialah setakat mana keberkesanan penguatkuasaan yang dilakukan oleh pihak JAKIM dari sudut undang-undang. Peruntukan undang-undang sedia ada hanya memperuntukkan JAKIM untuk menarik balik pensijilan halal tersebut tanpa mempunyai bidang kuasa untuk mendakwa di mahkamah. Sebarang pendakwaan akan dijalankan oleh pihak KPDN dan HEP sedangkan kebanyakan pemantauan dan penguatkuasaan dilaksanakan oleh JAKIM.

Amalan yang dilaksanakan kini oleh pihak JAKIM ialah dalam kes-kes aduan awam atau diklasifikasikan sebagai kes "panas", maka operasi bersepadu akan dilakukan bersama KPDN, PBT, Jabatan Agama Islam Negeri dan KKM manakala bagi kes pemantauan

biasa, hanya pegawai JAKIM akan melakukan penyiasatan dan pemeriksaan. Menurut prosedur pula dalam setiap operasi pemantauan ianya mesti melibatkan Pegawai Syariah dan Pegawai Sains.

Bagi maksud latihan kepada pegawai JAKIM, beberapa kursus secara teori diberikan sama ada dalam aspek penyiasatan, penguatkuasaan halal oleh pihak KPND dan HEP, SIRIM, KKM dan JAKIM sendiri. Pegawai Hub Halal JAKIM juga diberikan pendedahan dalam aspek penguatkuasaan dan pemantauan halal oleh pegawai senior sebelum layak melakukan aktiviti ini sendiri. Pegawai baru JAKIM adalah terikat dengan kehendak ISO iaitu mesti menjalani pendedahan penguatkuasaan dan pemantauan bersama senior sehingga mencapai 20 buah premis sebelum layak membuat penguatkuasaan dan pemantauan sendiri.

Secara ringkasnya, fungsi JAKIM ialah untuk mengesahkan kesalahan dalam isu halal di samping menjadi saksi bagi kes-kes tersebut. Hanya KPND dan HEP mempunyai kuasa untuk menyita, mengkompaun dan mendakwa pemilik mana-mana syarikat sama ada Premis Makanan, Produk Makanan atau Rumah Sembelih. Oleh itu, masih terdapat kekurangan dari aspek penguatkuasaan di mana pihak JAKIM hanya memainkan peranan sebagai pemantau, pengesah kesalahan dan pegawainya menjadi saksi kes-kes berkaitan. Sepatutnya sebagai sebuah badan yang mengeluarkan sijil halal, ia juga patut diberikan kuasa yang lebih bagi memastikan keberkesanan penguatkuasaan dalam ruang lingkup produk halal.

Isu dan masalah yang timbul juga ialah pihak JAKIM tidak mempunyai kuasa yang hakiki dari sudut undang-undang yang dapat membantu melancarkan kerja penguatkuasaan halal ini sendiri tanpa bergantung kepada mana-mana agensi seperti KPND, PBT, Jabatan Perkhidmatan Haiwan (JPH) dan KKM. Dari segi latihan, pegawai penguatkuasa JAKIM telah memiliki sijil pengauditan dari SIRIM, dan melayakkan mereka untuk membuat audit terhadap kilang, premis. Kini, pihak JAKIM khususnya Bahagian Hub Halal sedang mengusahakan Akta Halal yang akan memberikan kuasa dan autoriti yang lebih jelas kepada pegawai JAKIM dalam isu halal.

Terdapat juga isu lain yang sudah lama diperkatakan iaitu penyeragaman logo halal memandangkan setiap negeri mempunyai logo halal mereka sendiri. Setakat ini, dilaporkan bahawa sudah terdapat persetujuan mengenai penggunaan logo halal Jakim yang semua menteri besar dan ketua menteri telah bersetuju untuk menggunakan logo halal yang dikeluarkan Jakim saja⁹. Namun begitu, realitinya perkara ini masih belum dapat direalisasikan sepenuhnya. Terdapat beberapa permasalahan untuk menyeragamkan logo halal yang digunakan oleh JAKIM.

Di antara permasalahan penyeragaman ini ialah keperluan ISO yang dimiliki oleh pihak JAKIM. Sekiranya setiap negeri ingin menggunakan logo halal JAKIM, semua keperluan ISO perlulah dipenuhi. Bagi maksud ini, pegawai halal Jabatan Agama Islam Negeri perlu menjalani kursus dan latihan mengenai prosedur dan pelaksanaan garis panduan halal yang telah dilaksanakan oleh JAKIM. Ini sememangnya memerlukan masa dan melibatkan kos yang agak besar. Selain daripada itu, melalui penyeragaman logo halal ini juga bakal menyebabkan hilangnya sedikit hasil bayaran yang dikenakan oleh Jabatan Agama Islam Negeri kepada pemegangn sijil halal negeri-negeri.

3.2 Isu Pendakwaan

Merujuk kepada isu pendakwaan, ianya juga sering berkait rapat dengan isu penguatkuasaan. Penguatkuasaan berkaitan produk halal dilaksanakan oleh pihak JAKIM manakala pendakwaannya dilakukan oleh KPDN dan HEP. Jika ditinjau, pihak KPDN dan HEP bukan sahaja melakukan pendakwaan pada kes produk halal malahan kebanyakan kes mereka melibatkan pelbagai kes kesalahan lain. Setakat pengetahuan penulis juga pihak KPDN dan HEP juga tidak mempunyai unit khas bahagian pendakwaan halal manakala JAKIM mempunyai Bahagian Hub Halal Cawangan Pemantauan dan Penguatkuasaannya sendiri.

⁹ Azrina Ahzan. 20 Mac 2006. Semua negeri setuju arahan PM guna logo dikeluarkan Jakim. <http://www.halaljakim.gov.my>.

Terdapat dua isu utama di sini iaitu keberkesanan pendakwaan yang dijalankan oleh KPDN dan HEP dan jika JAKIM ingin mengambil fungsi ini, apakah kekangan-kekangan yang dihadapi?

Secara umumnya jika dilihat kepada pelaksanaan penguatkuasaan dan juga pendakwaan yang berlaku sekarang ialah terdapatnya beberapa permasalahan dan kekurangan dari sudut keberkesannya. Ini adalah kerana ianya dijalankan oleh dua pihak yang berbeza. Walaupun ada pembaharuan dan pendekatan yang telah dilaksanakan bagi mengatasi isu ini seperti pemberian kad kuasa oleh KPDN dan HEP kepada pegawai JAKIM, ianya masih terdapat kekurangan. Kad Kuasa yang diperturunkan oleh KPDN dan HEP kepada beberapa pegawai JAKIM ialah sebagai Penolong Pengawal (*Assistant Controller*) yang mula berkuatkuasa mulai 15 September 2003 melalui pewartaan P.U.(B) 338¹⁰. Seramai 57 orang pegawai termasuklah dari JAKIM dan Jabatan Agama Islam Negeri mempunyai kad kuasa tersebut dan hanya 9 orang sahaja pegawai JAKIM yang memilikinya. Kad kuasa ini membolehkan pegawai untuk memasuki premis atau syarikat bagi melakukan penyiasatan, pemeriksaan dan jika ada pemilik premis yang menghalang tugas maka dia boleh didakwa di bawah akta sedia ada seperti yang dibincangkan di atas seperti Akta Perihal Dagangan 1972, Perintah Perihal Dagangan(Penggunaan Perbahaasan 'Halal') dan Perintah Perihal Dagangan (Penandaan Makanan) 1975. Namun begitu, kad kuasa ini tidak melayakkan pihak JAKIM atau Jabatan Agama Islam Negeri untuk melakukan pendakwaan. Pendakwaan hanya akan dilakukan oleh pihak KPDN dan HEP dan pegawai JAKIM atau Jabatan Agama Islam Negeri hanya akan menjadi saksi dalam kes tersebut. Setakat ini terdapat beberapa kes telah dibawa ke Mahkamah Sivil, namun sehingga sekarang tiada kes yang melalui proses perbicaraan kerana semuanya diselesaikan diluar mahkamah iaitu melalui pembayaran kompaun.

Dari sudut yang lain, sekiranya JAKIM ingin mengambil fungsi pendakwaan, terdapat beberapa perkara yang perlu diambil perhatian. Pertama ialah keperluan pegawai yang mempunyai kelayakan untuk beramal di Mahkamah Sivil. Ini adalah kerana bidang kuasa pendakwaan produk halal ini adalah di bawah bidang kuasa Mahkamah Sivil. Kedua

¹⁰ Ucapan Menteri di Jabatan Perdana Menteri Sempena Majlis Penyerahan Kad Kuasa Kepada Pegawai JAKIM dan JAIN Sebagai Penolong Pengawal Perihal Dagangan di Bawah Akta Perihal Dagangan 1972 di <http://www.halaljakim.gov.my>

ialah keperluan kepada peruntukan undang-undang yang memberi kuasa kepada pegawai JAKIM membuat pendakwaan. Ketiga ialah terdapat juga kesalahan berkaitan produk halal yang dikategorikan sebagai kesalahan syariah seperti Seksyen 42 Akta Kesalahan Jenayah Syariah (Wilayah Persekutuan) 1997¹¹. Dalam hal ini, kuasa untuk mendakwa adalah terletak kepada Ketua Pendakwa Syariah negeri-negeri. Oleh itu, sebarang cadangan untuk memberikan fungsi pendakwaan kepada pegawai JAKIM memerlukan pertimbangan daripada segenap sudut sebelum ianya dapat direalisasikan.

4.0 KESIMPULAN

Berdasarkan kepada perbincangan di atas, secara umumnya dapat dirumuskan bahawa Malaysia mempunyai Garis Panduan Produk Halal yang komprehensif dan menyeluruh di samping ruang lingkup undang-undang sedia ada. Namun demikian, didapati bahawa terdapat isu yang perlu diberi perhatian sama ada dari aspek penguatkuasaan dan pendakwaan.

Dari aspek penguatkuasaan, didapati masih ada kekurangan di mana pihak JAKIM hanya memainkan peranan sebagai pemantau, pengesah kesalahan dan pegawainya menjadi saksi kes-kes berkaitan termasuk isu penyeragaman logo halal. Pihak JAKIM juga tidak mempunyai kuasa yang lebih luas dari sudut undang-undang yang dapat membantu melancarkan kerja penguatkuasaan halal tanpa bergantung kepada mana-mana agensi seperti KPND, PBT, JPH dan KKM. Dari aspek pendakwaan, terdapat dua isu utama iaitu keberkesanan pendakwaan yang dijalankan oleh KPND dan HEP dan kekangan-kekangan yang perlu diambil perhatian sekiranya pihak JAKIM ingin mengambil alih fungsi pendakwaan.

Berdasarkan perbincangan di atas, sememangnya kita masih memerlukan kepada usaha-usaha untuk memantapkan lagi ruang lingkup undang-undang berkaitan produk halal sama ada dari sudut penguatkuasaan dan pendakwaan. Sebarang usaha untuk

¹¹ Mana-mana orang yang mempamerkan pada atau berkenaan dengan mana-mana makanan atau minuman yang tidak halal, apa-apa tanda yang menunjukkan bahawa makanan atau minuman itu adalah halal telah melakukan kesalahan dan jika disabitkan boleh didenda tidak melebihi RM5000 atau penjara tidak lebih tiga tahun atau kedua-duanya

meningkatkan keberkesanan undang-undang penguatkuasaan dan pendakwaan sedia ada juga memerlukan kerjasama yang baik daripada semua pihak dan dilakukan secara berterusan selaras dengan aspirasi negara untuk menjadi hub halal dunia. Di samping itu, pendekatan secara efektif dan menyeluruh juga perlu diberi perhatian selain daripada sudut undang-undang iaitu aspek produktiviti produk halal oleh orang Islam sendiri. Usaha-usaha ke arah menggembelng tenaga menjana usahawan muslim perlu dipergiatkan demi memartabatkan ekonomi umat Islam.

RUJUKAN

- Akta Kesalahan Jenayah Syariah (Wilayah Persekutuan) 1997
Akta Makanan 1983
Akta Pentadbiran Undang-undang Orang Islam 1968
Akta Perihal Dagangan 1972
Akta Perlindungan Pengguna 1999
Azrina Ahzan. 20 Mac 2006. Semua negeri setuju arahan PM guna logo dikeluarkan Jakim. <http://www.halaljakim.gov.my>.
Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Negeri Sabah) 1995
Manual Prosedur Pensijilan Halal Malaysia. 2005. Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.
MIHAS Platform Terbaik Bumper ke Pasaran Global. 14 Mei 2007. Utusan Malaysia.
Perintah Perihal Dagangan (Penandaan Makanan) 1975.
Perintah Perihal Dagangan (Penggunaan Perbahasan Halal) 1975.
Raja Luvena Sharifuddin. *Piawaian pasaran halal*. 8 Mei 2007. Utusan Malaysia.
Rozilan Salleh dan Hata Wahari. *Tingkatkan pasaran makanan halal – PM*. 17 Ogos 2004. Utusan Malaysia.
Temubual dengan Puan Noraine Hamzah dan Encik Muhammad Hawari Hassan Pegawai Bahagian Hub Halal Cawangan Pemantauan dan Penguatkuasaan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, Cyberjaya pada 31 Julai 2007.
Ucapan Menteri di Jabatan Perdana Menteri Sempena Majlis Penyerahan Kad Kuasa Kepada Pegawai JAKIM dan JAIN Sebagai Penolong Pengawal Perihal Dagangan di Bawah Akta Perihal Dagangan 1972 di <http://www.halaljakim.gov.my>.